

13 MAY 2000

Mahathir-Umno (Kerja)

BANYAK KERJA PM AKAN DITURUNKAN KEPADA TPM, MENTERI

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menurunkan banyak kerja Perdana Menteri kepada menteri-menteri terutamanya timbalannya.

Dengan cara itu, kata Perdana Menteri, beliau akan mempunyai lebih banyak masa lapang untuk menumpu kepada kerja parti dan bertemu dengan ramai pemimpin parti di negeri-negeri untuk mendengar masalah mereka.

"Cara ini juga baik kerana saya perlu memberi peluang kepada Timbalan Presiden untuk mengetahui dengan lebih dekat tugas-tugas yang akan dipikul olehnya apabila dia menjadi Perdana Menteri," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno yang ke-54 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata selama ini beliau tidak mempunyai banyak masa untuk menjalankan kerja parti kerana tugas dalam kerajaan terutamanya bagi dirinya semakin meningkat.

"Kita sudah jadi begitu popular, ramai pemimpin negara asing ingin membuat lawatan rasmi ke Malaysia dan mereka perlu dilayani oleh saya sendiri kalau mereka di peringkat Perdana Menteri atau Presiden.

"Terdapat juga banyak undangan ke mesyuarat di luar negeri yang sukar untuk ditolak, dan pada masa sama urusan biasa dalam pejabat telah meningkat," katanya.

Ia juga sebagai memenuhi kehendak anggota parti yang mahukan pemimpin Umno menumpukan lebih banyak masa kepada kerja parti untuk membina semula kekuatan parti di peringkat akar umbi.

Selepas menyatakan perkara ini Perdana Menteri membayangkan hasratnya untuk bersara dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Dr Mahathir berkata beliau tidak ingin menongkat langit dan jika beliau tidak berundur sekalipun, tuhan akan "menghantarkannya ke tempat lain dan beliau terpaksa pergi juga" dan orang lain terpaksa juga menerima penggantinya.

Katanya perjuangan dalam Umno bagi beliau tidak boleh selesai, sama ada beliau menjadi presiden atau tidak.

"Menjadi tanggungjawab saya untuk menyokong parti ini dan siapa juga yang menjadi pemimpinnya.

"Kalau saya tak bersetuju sama sekalipun, saya akan diam diri sahaja. Dah cukuplah 19 tahun sebagai Perdana Menteri, bagi peluang kepada orang lain pula," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI